



**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

LAWATAN KHAS KELUARGA KLIEN KE PUSPEN SEMPENA HARI DEEPAVALI

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membenarkan sesi lawatan khas keluarga/penjaga klien yang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara bersempena dengan sambutan Hari Deepavali bagi tahun 2021.

Kebenaran itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang ditetapkan termasuk hanya pelawat yang lengkap dua dos vaksin dibenarkan dalam tempoh lima hari bermula 5 hingga 9 November 2021.

Sesi lawatan khas secara bersemuka itu hanya dibenarkan di negeri yang berada dalam Fasa 4 PPN manakala negeri-negeri yang belum mencapai Fasa 4 PPN hanya dibenarkan pertemuan secara dalam talian.

Setiap keluarga/penjaga perlu membuat janji temu dengan pihak PUSPEN bagi mengelakkan kesesakan, melancarkan perkhidmatan AADK dan mengelakkan risiko penularan jangkitan wabak Covid-19.

Permohonan janji temu itu boleh dibuat menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi WhatsApp; surat atau e-mel kepada Pegawai Pemulihan terlibat.

Lawatan secara *walk-in* adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam tempoh pandemik ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi PUSPEN berkaitan atau melayari laman web rasmi AADK di www.adk.gov.my

Sesi lawatan keluarga itu akan memberi ruang dan peluang kepada keluarga/penjaga dan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong klien dalam institusi untuk terus memberi komitmen mengekalkan kepulihan.

-TAMAT-

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KAJANG
3 NOVEMBER 2021
Bil. 7/2021

Lebih Baik Cegah

#DadahTerkawal2025